

# LINDUNGI FAMILI TANPA USIK GAJI

## Eksklusif untuk ahli KWSP

Daripada serendah RM10.40/tahun\*, jamin masa depan orang tersayang dengan perlindungan takaful bertempoh jika anda meninggal dunia atau hilang upaya kekal dan menyeluruh, dengan i-Lindung menggunakan dana KWSP anda. Daftar melalui i-Akaun KWSP tanpa perlu pemeriksaan kesihatan!

\*Tertakluk terma & syarat.



Memperkenalkan **PruBSN Lindung**, direka khas untuk memastikan keluarga anda terpelihara sekiranya anda meninggal dunia atau mengalami hilang upaya kekal dan menyeluruh.

**PruBSN Lindung** menawarkan perlindungan kewangan dan ketenangan fikiran mengikut kemampuan anda, dengan kadar yang sangat berpatutan.

### MANFAAT SECARA RINGKAS



#### Perlindungan Kewangan

Keluarga anda boleh menggunakan manfaat tunai yang dibayar secara sekaligus di bawah pelan ini sebagai bantuan kewangan sekiranya kejadian yang tidak dijangka menimpa anda.



#### Tiada Pemeriksaan Perubatan

Anda hanya perlu daftar dalam talian melalui i-Akaun KWSP anda tanpa perlu lakukan pemeriksaan kesihatan.



#### Lebihan yang Boleh Diagihkan

Anda berhak menerima sebarang lebihan yang boleh diagihkan^^ daripada Dana *Tabarru'*. Bersama-sama dengan Ahli yang Dilindungi yang lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan dana.



#### Memanfaatkan yang Terbaik dalam Kehidupan

Jika anda mengalami hilang upaya kekal dan menyeluruh, jumlah dilindungi yang dibayar dari pelan ini boleh membantu anda meneruskan kehidupan yang bermakna sepenuhnya.



#### Sumbangan Mampu Milik & Pelepasan Cukai

Daripada serendah RM10.40/tahun^, anda juga layak mendapat pelepasan cukai untuk pelan perlindungan anda. Sumbangan anda akan ditolak daripada Akaun KWSP.



#### Persetujuan untuk Saling Membantu

Pelan ini berdasarkan konsep takaful di mana semua Ahli yang Dilindungi memberikan persetujuan untuk saling membantu satu sama lain semasa ditimpa kesukaran.

^ Untuk perempuan berumur 19 hingga 35 tahun (umur pada hari jadi akan datang), dan jumlah dilindungi sebanyak RM10,000. Pelan ini menyediakan perlindungan untuk satu tahun.

^^Amaun lebihan yang boleh diagihkan yang sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk pada kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.

## BAGAIMANAKAH PRUBSN LINDUNG BOLEH MELINDUNGI ANDA DAN KELUARGA ANDA?



### Manfaat Kematian

Menyediakan manfaat tunai yang dibayar secara sekaligus kepada keluarga anda jika anda meninggal dunia, supaya mereka boleh meneruskan kehidupan tanpa kebimbangan kewangan. Jangan lupa untuk melengkapkan penamaan anda. Ia membantu mempercepatkan pembayaran manfaat agar keluarga anda tidak berdepan sebarang kesukaran.



### Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)

Menyediakan manfaat tunai yang dibayar secara sekaligus jika anda mengalami hilang upaya kekal dan menyeluruh semasa tempoh perlindungan.

## BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?




Layari  
<https://bit.ly/FBM-PBTB-i-Lindung>  
atau imbas kod QR di bawah



dan log masuk ke  
Portal i-Akaun anda



Isikan butiran anda



Pilih pelan perlindungan  
pilihan anda daripada  
PruBSN dan isikan  
maklumat yang diperlukan



Buat  
bayaran / sumbangan,  
yang akan ditolak  
daripada Akaun  
KWSP anda

### Notis Penting dan Penafian:

Risalah ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Pelan ini adalah pelan takaful bertempoh berkelompok yang ditaja jamin oleh Prudential BSN Takaful Berhad. Untuk maklumat lanjut mengenai **PruBSN Lindung**, sila rujuk kepada Lampiran Keterangan Produk sebelum menyertai pelan ini dan rujuk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam Ringkasan Sijil untuk butiran mengenai ciri penting serta pengecualian yang terpakai bagi pelan ini. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangan yang berkenaan.

**PRUDENTIAL BSN**

TAKAFUL